

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, July 10, 2019 11:42 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM-UMSIDA Bincang Program Kerjasama Manfaat Kedua Universiti



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

10 JULAI 2019 / 07 ZULKAEDAH 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

UUM-UMSIDA BINCANG PROGRAM KERJASAMA MANFAAT KEDUA UNIVERSITI



UUM ONLINE: Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Hendrik Lamsali telah menerima kunjungan hormat daripada delegasi Universitas Muhammadiyah Sidoarjo (UMSIDA), Indonesia di Balai Tamu, baru-baru ini.

Delegasi tersebut diketuai Rektor UMSIDA, Dr. Hidayatulloh, M.Si bersama wakil Rektor, Heri Widodo dan pegawai dari pejabat antarabangsa UMSIDA, Wahyu Taufiq.

Dalam pertemuan itu, Dr. Hendrik Lamsali dan Dr. Hidayatulloh membincangkan tentang program mobiliti pelajar, pertukaran staf, penyelidikan bersama dan penganjuran ICEGE 2019-2020.

Lawatan delegasi UMSIDA ke UUM adalah sempena IR4.0 Educational Talk: Pendidikan Holistik di Era Revolusi Industri 4.0 yang berlangsung di Auditorium Perpustakaan Sultanah Bahiyah (PSB) dan mengadakan perbincangan peluang kolaborasi antara UUM dan UMSIDA.

Dalam ceramah IR4.0 Educational Talk: Pendidikan Holistik di Era Revolusi Industri 4.0 menekankan tentang pendidikan holistik kepada pelajar seperti mempersiapkan pelajar menghadapi cabaran pelajar pada masa hadapan, kurikulum mesti selari dengan cabaran masa hadapan, akhlak merupakan domain pendidikan yang perlu diberikan tumpuan bersama dengan ilmu dan kemahiran lain serta kembalikan tujuan pendidikan kepada asalnya iaitu menghasilkan manusia holistik yang berilmu (*cognitive*), kemahiran (*psychomotor*) dan berakhlak (*affective*) yang mulia.

Hadir sama Dekan SEML, Prof. Madya Dr. Fauziah Abdul Rahim dan pegawai kanan Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden (SEML).



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.